

Tiada rekod politik yang boleh dipamerkan, dinilai pengundi

Ramkarpal dibayangi Karpal Singh

Oleh **ADLINAHANI KHALIL**
pengarang@utusan.com.my

**PRK PARLIMEN
BUKIT GELUGOR**



KUALA LUMPUR

13 Mei - Calon DAP, Ramkarpal Singh Deo tidak mempunyai rekod politik yang boleh dipamerkan dan dinilai oleh pengundi di Bukit Gelugor sebaliknya terpaksa bersandarkan kepada usaha dan sumbangan mendiang bapanya di kawasan tersebut.

Menurut Timbalan Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara (MPN), **Prof. Dr. Jayum Jawan (gambar)**, sekiranya beliau menang, kejayaan itu hanya disebabkan oleh rasa simpati pengundi berhubung kematian bapanya yang merupakan

penyandang dan bekas Pengerusi DAP, Karpal Singh.

"Biarpun berkemungkinan mencatat kemenangan mudah di Bukit Gelugor kelak, Ramkarpal akan terus dibayangi kegemilangan mendiang bapanya dan bukan disebabkan oleh pengaruh atau sumbangannya di kawasan tersebut.

"Hal ini secara tidak langsung menunjukkan DAP tidak mementingkan soal kredibiliti calon dalam menguruskan isu-isu berkaitan politik, tetapi cukup jika mampu meraih simpati dan undi untuk me-



Biarpun berkemungkinan mencatat kemenangan mudah di Bukit Gelugor kelak, Ramkarpal akan terus dibayangi kegemilangan mendiang bapanya dan bukan disebabkan oleh pengaruh atau sumbangannya di kawasan tersebut

PROF. DR. JAYUM JAWAN

Timbalan Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara

nang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gelugor yang akan diadakan pada 25 Mei ini menyaksikan persaingan empat penjuru antara calon DAP,

Parti Cinta Malaysia (PCM) dan dua calon Bebas.

Selain Ramkarpal yang mewakili DAP, PCM mencalonkan Naib Presidennya, Datuk Huan Cheng Guan manakala dua calon Bebas adalah

Mohamed Nabi Bux Mohd. Abd. Sathar yang merupakan ahli Pas Cawangan Gombak, Selangor dan Abu Backer Sidek Mohamad Zan.

Mengulas lanjut, Jayum berkata, faktor lain yang boleh memberi kemenangan kepada Ramkarpal adalah saingan daripada parti dan calon Bebas yang kurang 'menyengat'.

"Jika dinilai daripada kebolehan dan aset Ramkarpal, beliau tidaklah sehebat ahli politik lain," ujar beliau yang juga merupakan Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah), Fakulti

Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sementara itu, Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), **Dr. Jeniri Amir** turut senada dengan Jayum apabila menyatakan kemenangan Ramkarpal di Bukit Gelugor sudah diramal memandangkan kawasan tersebut merupakan kubu kuat DAP.

"Masyarakat di Bukit Gelugor tahu akan kejayaan dan usaha yang dilakukan oleh mendiang Karpal, maka mereka juga beranggapan bahawa Ramkarpal dapat melakukan perkara sama seperti bapanya.

"DAP melihat perkara itu sebagai satu langkah terbaik untuk meraih undi dan simpati penduduk Bukit Gelugor," jelasnya.